

Kepuasan Hubungan Kekeluargaan dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Remaja Tahfiz di Selangor

Family Relationship Satisfaction and Psychological Well-Being among Tahfiz Adolescent Students in Selangor

NABIHAH PAKHARUDDIN & SUZANA MOHD HOESNI*

Received: 17-6-2025 /Accepted: 30-9-2025

ABSTRAK

Elemen kebersamaan dalam hubungan kekeluargaan merupakan salah satu aspek psikologi yang penting dalam menilai tahap kepuasan hubungan seseorang terhadap keluarganya. Keadaan ini lebih kritikal bagi pelajar remaja tahfiz yang tinggal berjauhan dengan keluarga. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan kluster. Seramai 261 remaja dari lima buah sekolah tahfiz di Selangor terpilih dan secara sukarela mengambil bahagian dalam kajian ini. Soal selidik kajian yang diedarkan mengandungi tiga bahagian utama yang mengandungi soalan-soalan berkaitan latar belakang responden, kepuasan hubungan dalam kekeluargaan dengan menggunakan Skala Kepuasan Hubungan Kekeluargaan (FSS) dan kesejahteraan psikologi dengan Skala Kesejahteraan Psikologi (PWB). Semua data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis menggunakan IBM Statistical Package for Social Science versi 26. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara positif antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi ($r=.472^{**}$, $k<0.01$). Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat pengaruh kepuasan hubungan kekeluargaan terhadap kesejahteraan psikologi ($R^2=.223$, $\beta=0.472$) yang mana kepuasan hubungan kekeluargaan menyumbang sebanyak 22.3% terhadap kesejahteraan psikologi pelajar tahfiz. Hasil kajian ini dapat memperkayakan kefahaman tentang perkembangan psikologi remaja pelajar tahfiz remaja. Selain itu, kajian ini dapat juga membantu profesion menolong seperti ahli terapi, kaunselor dan ahli kerja sosial yang membantu klien daripada golongan kumpulan ini. Kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak sekolah dan ibu bapa dalam memperkasakan pelajar tahfiz remaja dan institusi kekeluargaan secara keseluruhannya.

Kata kunci: kepuasan hubungan kekeluargaan; kesejahteraan psikologi; remaja; pelajar tahfiz; Malaysia

ABSTRACT

Togetherness in family relationships is one crucial aspect of evaluating an individual's satisfaction with their family. This situation is critical for tahfiz students staying away from their families. Thus, this study investigates the relationship between family satisfaction and psychological well-being among tahfiz students in Selangor. This study applies the cluster sampling method. A total of 261 adolescents from five tahfiz schools in Selangor were chosen and volunteered to take part in this study. Research questionnaires with three main sections, with questions related to respondents' background, family relationship satisfaction, and psychological well-being, were distributed. The Family Satisfaction Scale (FSS) was used to measure family relationship satisfaction. While the Psychological Well Being Scale was used to measure Psychological Well Being (PWB). All the data collected in this study were analysed using the IBM Statistical Package for the Social Sciences version 26. Results showed that there is a significant positive relationship between family relationship satisfaction and psychological well-being ($r=.472^{**}$, $k<0.01$). This study also found that there is an effect of family relationship satisfaction towards psychological well-being ($R^2=.223$, $\beta=0.472$) whereby family relationship satisfaction contributes 22.3% towards the psychological well-being of tahfiz students. Findings in this study enrich the understanding of the developmental psychological well-being of adolescents, tahfiz students. Furthermore, this study enables helping professions such as therapists, counsellors, and social workers to help clients from this group. This study can also be used by school authorities and parents in empowering tahfiz students and the family institution as a whole.

Keywords: family relationships satisfaction; psychological well-being; adolescence; tahfiz students; Malaysia

PENGENALAN

Isu perhubungan kekeluargaan banyak dibincangkan oleh ramai pakar motivasi dan penyelidik dalam usaha untuk membina sebuah keluarga yang harmoni. Isu perhubungan kekeluargaan dan kepuasan dalam perhubungan kekeluargaan ini merupakan dua aspek penting dalam kehidupan seseorang kerana ia saling berkait rapat. Bahagia atau tidak ia adalah sesuatu yang subjektif dan bersifat abstrak. Kebahagiaan atau kepuasan terhadap sesuatu juga didefinisikan berbeza oleh setiap individu. Bagaimana mungkin kepuasan terhadap sesuatu perkara dapat dicapai tanpa kesejahteraan psikologi yang baik dimiliki olehnya. Kesepakatan ahli sarjana berpendapat individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi seharusnya mempunyai mood positif, mood negatif, kesejahteraan sosial, berpuas hati dengan kualiti hidup dan mampu berfungsi secara positif (JPA, 2022). Kesejahteraan psikologi yang dikeluarkan oleh Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia menunjukkan kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana (JPA, 2022) iaitu skor keseluruhan indeks 6.5. Laporan interpretasi ini dijana setakat Oktober 2023 berdasarkan keseluruhan 944,000 responden di Malaysia.

Melalui ini juga dapat dilihat bahawa kesemua domain yang diukur menunjukkan tahap sederhana bagi aspek emosi negatif (5.46), kepuasan hidup (6.55) dan kesejahteraan sosial (6.87), manakala, bagi aspek emosi positif (7.59) dan kefungsiian psikologi (7.96) pula berada pada tahap yang tinggi. Emosi positif merujuk kepada perasaan yang dilalui seseorang terbentuk melalui sesuatu kejadian atau perkara yang membuatnya berasa damai dan nyaman (Rulsi et al., 2020), manakala emosi negatif merujuk kepada penilaian mood, perasaan dan emosi yang negatif dan tidak menyenangkan seperti murung, sedih, kecewa dan marah. Bagi aspek kefungsiian psikologi menggambarkan penerimaan sendiri, mempunyai hubungan positif, berupaya mengurus tanggungjawab harian, mempunyai peningkatan diri serta memiliki makna dan tujuan hidup (JPA, 2022). Aspek kesejahteraan sosial juga mampu mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi seseorang yang mana ia dapat dilihat pada keupayaan individu untuk terlibat dalam aktiviti komuniti, bersikap baik terhadap masyarakat serta boleh memahami apa yang berlaku dalam masyarakat disekitarnya. Aspek kepuasan hidup seperti dalam Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia ia merujuk kepada penilaian kognitif seseorang terhadap kualiti kehidupannya berdasarkan kriteria yang dianggap relevan oleh dirinya. Keadaan ini memfokuskan lebih kepada kepuasan dalam hidup antaranya kepuasan perkahwinan, kepuasan perhubungan, kurang mengalami keresahan dan kemurungan melampau (Asmawati et al., 2015)

Melihatkan kepada indeks kesejahteraan psikologi di atas, kefungsiian psikologi berada pada tahap yang tinggi. Sekiranya seseorang itu dapat memaksimumkan penggunaan kefungsiian psikologi dalam kehidupannya, maka tahap kesejahteraan psikologi semakin meningkat. Setiap manusia tidak terlepas berhadapan dengan masalah hubungan kekeluargaan sama ada masalah besar atau hanya masalah kecil yang berlaku dalam keluarga. Oleh itu, masalah dalam perhubungan kekeluargaan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi seseorang jika tidak diuruskan dengan sebaiknya. Kajian ini berfokuskan kepada pelajar tahfiz yang duduk berjauhan daripada keluarga yang jarang pulang ke rumah kerana tuntutan belajar. Terdapat banyak kajian lepas yang mendapati bahawa perhubungan pelajar tahfiz dengan keluarga adalah penting dalam proses pengajian (Abdullah et al., 2021; Anas et al., 2022; Bangsawan et al., 2022; Fakhruddin et al., 2023).

Oleh itu, kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Kajian-kajian lepas tidak banyak yang memfokuskan kepada pelajar tahfiz apabila

membincangkan berkaitan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi (Alnajashi et. al, 2025; Fakhruddin et al., 2023; Safiinattunnajah, & Khilmiyah, 2025). Kebanyakan berfokus kepada isu perkahwinan, tingkah laku remaja bermasalah dan lain-lain. Disebabkan kekurangan kajian berkaitan kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi dalam konteks negara Malaysia bagi kalangan pelajar tahfiz, maka kajian ini amat penting untuk dijalankan bagi menambah pengetahuan dan mendapat perhatian dari ahli sarjana.

Permasalahan dalam menangani isu kesejahteraan psikologi pada dunia hari ini banyak dibincangkan oleh para sarjana, cendekiawan serta pakar psikologi dalam membantu memberi pendedahan awal kepada orang awam berkaitan isu kesihatan mental. Kebanyakannya anak muda yang berlatar belakang pendidikan tahfiz ini cenderung untuk mengalami masalah kesejahteraan psikologi kerana tekanan dan desakan daripada orang sekeliling untuk menghabiskan hafazan 30 juzuk Al-Quran (Adzim et al, 2024; Riyadi, 2022; Yahya et al., 2022). Tuntutan ahli keluarga terutamanya yang sangat mengharapkan antara ahli keluarganya yang menghafaz Al-Quran ini berjaya menggenggam segulung ijazah, menghafaz 30 juzuk al-Quran disertai dengan pelbagai kemahiran lain. Walau bagaimanapun, seorang pelajar tahfiz juga merupakan individu yang turut berjuang dalam menuntut ilmu dan tidak terlepas melakukan aktiviti harian kesukaan seperti orang lain. Mereka juga mempunyai hobi dan minat tersendiri seperti individu lain yang tidak menghafaz Al- Quran.

Salah satu faktor terbesar yang mendorong kepada masalah kesejahteraan psikologi bagi pelajar tahfiz adalah berpunca daripada permasalahan dalam hubungan kekeluargaan yang akhirnya berlaku konflik dalaman, ketidakpuasan terhadap ahli keluarga, tiada sokongan sosial serta ketiadaan hubungan interpersonal yang baik antara satu sama lain (Adzim et al, 2024; Riyadi, 2022; Yahya et al., 2022). Individu yang mempunyai masalah dalam hubungan kekeluargaan boleh mencetuskan ketidakpuasan hati terhadap perhubungan, lebih banyak memendam rasa, menjauhkan diri serta bersikap tidak mengambil peduli akan perihal keluarganya. Apabila keadaan ini berlaku secara berlanjutan, ia boleh menimbulkan masalah di kemudian hari sehingga mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi seseorang itu. Vegas (2025) menyatakan bahawa komunikasi antara ahli keluarga mempengaruhi tahap kepuasan hubungan terhadap kekeluargaan.

Dapat dilihat bahawa isu hubungan kekeluargaan dalam kalangan pelajar tahfiz ini tidak banyak dibicarakan secara ilmiah dan dibincangkan dengan lebih mendalam berbanding isu hubungan kekeluargaan dalam konteks lain seperti remaja bermasalah, keluarga bercerai dan sebagainya. Seperti sedia maklum, pelajar tahfiz adalah individu yang menetap di asrama atau madrasah khas dan melalui rutin kehidupan yang sedikit berbeza seperti pelajar asrama sekolah biasa. Pelajar tahfiz ini dididik dan diajar dengan JADUAL waktu yang agak padat dan perlu menyiapkan diri seawal jam 4.30 pagi bagi memulakan rutin harian. Bermula dengan memperdengarkan bacaan hafazan kepada gurunya sebelum subuh. Jarang juga diketahui oleh orang umum, kebanyakan sekolah tahfiz jarang membenarkan pelajarinya untuk pulang ke rumah pada setiap minggu. Banyak sekolah tahfiz yang hanya membenarkan pelajarinya untuk pulang ke rumah sebulan sekali atau setahun empat kali sahaja iaitu ketika Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, cuti pertengahan tahun dan cuti akhir tahun.

Melihatkan kepada keadaan ini, sudah pasti komunikasi antara ahli keluarga bagi pelajar tahfiz ini terlalu sedikit kerana mereka banyak menghabiskan masa di sekolah tahfiz bersama rakan-rakan dan guru-gurunya. Maka tidak hairanlah sekiranya banyak masalah sosial dan masalah kemurungan berlaku dalam kalangan pelajar tahfiz kerana mereka kurang mendapatkan bimbingan terus daripada ibubapa dan ahli keluarga serta kurang pendedahan kepada dunia luar . Apabila mereka pulang kerumah, seolah-olah satu kebebasan buat mereka untuk melakukan pelbagai

perkara yang tidak dapat dilakukan ketika di asrama. Apabila ibubapa cuba menghalang perkara yang kurang baik ingin dilakukan, pasti akan ditegur dan mereka menganggap bahawa kehidupan mereka dikongkong. Banyak perkara tidak boleh dilakukan, sedangkan mereka tidak diberi pendedahan kepada dunia sebenar dan hanya berputar dengan melakukan rutin harian yang sama ketika di asrama dan mengalunkan baca hafazan. Dengan itu hubungan keluarga antara pelajar tahfiz dan keluarganya tidak dapat dikekalkan kerana tempoh pulang ke rumah apabila cuti juga singkat sekitar seminggu jika bercuti panjang. Komunikasi yang lemah antara pelajar tahfiz bersama ahli keluarganya boleh membawa kepada ketidakpuasan terhadap hubungan kekeluargaan yang boleh menyebabkan berlakunya konflik dalaman.

Bukan itu sahaja, kerenggangan hubungan antara ibubapa dan anak sejak kecil juga mempengaruhi tahap kepuasan hubungan kekeluargaan pada diri seseorang. Keadaan ini boleh dilihat pada individu yang memasuki bidang tahfiz seawal umur 7-10 tahun kerana mereka duduk di asrama secara sepenuh masa dan jarang menghabiskan masa bersama ahli keluarganya. Terdapat sesetengah ibubapa telah menghantar anak-anak mereka seawal umur 7 tahun ke sekolah tahfiz kerana ingin anaknya menjadi seorang penghafaz Al-Quran, namun tidak difikirkan akan implikasi yang akan diterima jika kanak-kanak tersebut tidak mendapatkan pendidikan awal daripada ibubapanya sendiri. Lanjutan keadaan yang memaksa diri seseorang itu untuk mengikuti segala jalur pendidikan yang ditetapkan oleh ibubapanya boleh menyebabkan berlakunya pemberontakan, penyisihan daripada ahli keluarga, ketidakpuasan hati serta mempunyai sifat dendam yang boleh membawa kepada masalah sosial yang lain. Malah, kurang sokongan sosial dan emosi secara terus daripada ibubapa juga kurang diperolehi sekiranya mereka lebih banyak menghabiskan masa ketika di sekolah dan asrama. Maka, secara tidak langsung ia boleh mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi seseorang individu tersebut. (Haroon, 2022) menyatakan bahawa tidak ramai pelajar dapat menamatkan pengajian dari institusi tahfiz, malah ada juga yang gagal menamatkan pembelajaran kerana mengalami masalah dalaman dan luaran yang dihadapi pelajar tersebut.

Oleh itu, rasional kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti adakah tahap kepuasan hubungan kekeluargaan memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi seorang individu terutamanya terhadap golongan pelajar tahfiz. Ini kerana kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi ini tidak banyak dibincangkan dalam konteks pelajar tahfiz di mana kita dapat lihat pusat-pusat tahfiz semakin berkembang ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Tambahan pula, memang realiti masyarakat pada hari ini mempunyai pelbagai masalah kerenggangan dalam hubungan kekeluargaan yang wujud disebabkan oleh ketiadaan elemen kebersamaan dalam hubungan kekeluargaan dan ketidakfungsian peranan antara ahli keluarga. Kajian ini juga berfokus kepada kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz yang menduduki asrama penuh.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif dan data dikumpulkan menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada responden.

POPULASI, SAMPEL DAN PENSAMPELAN

Populasi kajian ini melibatkan sekolah tahfiz yang berdaftar di sekitar negeri Selangor. Satu senarai dijana dan pemilihan sekolah tahfiz dilakukan secara undian rawak. Seterusnya, lima buah sekolah tahfiz yang terpilih kemudian diteliti kesesuaiannya untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah persampelan stratifikasi dijalankan yang mana individu memenuhi syarat kriteria yang ditetapkan sahaja layak dipilih sebagai responden. Terdapat kriteria inklusif bagi responden dalam kajian ini. Kriteria tersebut adalah responden perlu dalam kalangan pelajar tahfiz, berumur 13-17 tahun, dan menduduki asrama sepanjang tempoh pengajian. Pengkaji berjumpa pengetua untuk setiap lima buah sekolah tahfiz sekitar Selangor bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian. Jumlah besar sampel yang berjaya dikumpulkan dalam kajian ini adalah seramai 261 orang.

INSTRUMEN KAJIAN

Alat ujian yang digunakan diterjemah ke dalam Bahasa Melayu dan disahkan oleh penterjemah bahasa yang diiktiraf. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (latarbelakang responden), bahagian B (kepuasan hubungan kekeluargaan) dan bahagian C (kesejahteraan psikologi).

Bahagian A - Latar belakang responden

Bahagian A dalam soal selidik ini adalah berkaitan dengan soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden merangkumi jantina, umur, status hafazan, tempoh menduduki asrama, kekerapan menghubungi keluarga, sebab menghafaz al-Quran, sikap ibubapa, perkara yang disukai tentang keluarga dan tahfiz serta individu yang banyak memberi sokongan sosial sepanjang tempoh menghafaz Al-Quran.

Bahagian B- Kepuasan hubungan kekeluargaan

Bahagian B dalam soal selidik ini mengandungi item mengenai kepuasan hubungan kekeluargaan menggunakan *Family Satisfaction Scale (FSS)* (Olson, 1989). *Family Satisfaction Scale (FSS)* digunakan bagi mengukur tahap kepuasan hubungan kekeluargaan responden terhadap keluarganya. Ia terdiri daripada 10 item dan diukur menggunakan 5 skala Likert iaitu “1” = “sangat tidak berpuas hati” kepada “5” = sangat berpuas hati”. Jumlah skor bagi semua item menentukan tahap kepuasan hubungan seseorang itu. Semakin tinggi skor, semakin tinggi kepuasan dirinya terhadap hubungan kekeluargaan. Julat skor adalah antara 10 sehingga 50. Nilai Cronbach Alpha bagi alat ujian ini ialah .883 dan ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk mengukur kepuasan terhadap hubungan kekeluargaan dalam diri seseorang.

Bahagian C - Kesejahteraan psikologi

Bahagian ini mengukur kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz yang menduduki asrama penuh sepanjang tempoh pengajiannya. Kesejahteraan psikologi diukur menggunakan *Psychological Well-Being Questionnaire (PWBQ)* (Ryff 1989) yang mengandungi 42 item dan diukur menggunakan 6 skala Likert dari iaitu “1” = “sangat tidak bersetuju” kepada “6” = sangat bersetuju”. Instrumen ini mempunyai enam dimensi iaitu autonomi, penguasaan persekitaran, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, tujuan hidup dan penerimaan diri. Setiap dimensi mempunyai 7 item yang diwakili oleh item positif dan negatif. Item positif pengiraan seperti asal manakala bagi item negatif, skor bagi setiap item. Markat yang tinggi

menunjukkan kecenderungan responden mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi. Nilai Cronbach Alpha bagi alat ujian ini adalah antara .859 dan ini menunjukkan alat ujian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi seseorang.

PROSEDUR KAJIAN

Pengkaji menghantar permohonan untuk menjalankan pengutipan data bagi kajian penyelidikan di lima buah sekolah tahfiz di Selangor kepada pihak sekolah. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kelulusan bagi mengutip data pelajar sebagai responden kajian. Setelah persetujuan di perolehi, pelajar yang terpilih dikumpulkan di dewan atau bilik darjah dan soal selidik diedarkan. Sebelum responden menjawab soal selidik, responden dimaklumkan tentang tujuan dan maklumat kajian yang dijalankan. Responden juga dimaklumkan bahawa segala maklumat yang dikongsikan dalam soal selidik dirahsiakan sebagai maklumat sulit responden. Responden mengisi soal selidik dalam tempoh 15-20 minit. Borang soal selidik yang lengkap diisi dikutip semula oleh pengkaji. Seterusnya, analisis data dilakukan apabila pengutipan data di kelima-lima buah sekolah selesai dilakukan.

ANALISIS KAJIAN

Soal selidik yang berjaya dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *IBM Statistical Package for the Social Sciences* versi 26. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan bagi mendapatkan keputusan kajian. Analisis deskriptif dijalankan bagi menentukan kekerapan, peratus, nilai min, sisihan piawai bagi pemboleh ubah yang dikaji. Analisis inferensi pula dijalankan bagi menganalisis hubungan antara pemboleh ubah. Ujian-t dilakukan bagi menyelidik perbezaan jantina untuk kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi. Ujian Korelasi Pearson juga dilakukan bagi menguji perkaitan antara hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi. Akhir sekali, ujian regresi mudah dilakukan bagi mengkaji pengaruh kekuatan hubungan antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi. Kekuatan hubungan antara pemboleh ubah menentukan sejauh mana kepuasan hubungan kekeluargaan mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi seseorang individu.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis dalam kajian ini dibahagikan kepada dua sub bahagian utama iaitu hasil analisis deskripsi dan hasil analisis inferensi.

HASIL ANALISIS DESKRIPSI

JADUAL 1 menunjukkan hasil analisis bagi taburan responden mengikut jantina. Keputusan menunjukkan seramai 261 orang pelajar tahfiz di Selangor yang direkodkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 137 orang (52.5%) merupakan jantina lelaki dan seramai 124 orang (19.2%) pula merupakan jantina perempuan. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki lebih tinggi berbanding responden perempuan.

Hasil analisis deskriptif bagi taburan responden mengikut umur menunjukkan paling ramai responden berumur 65 orang responden berumur 15 tahun (24.9%) dan 65 orang responden berumur 16 tahun (24.9%). Responden yang paling sedikit adalah dari kumpulan umur 29 orang responden yang berumur 17 tahun (11.1%).

Selain itu, taburan responden mengikut sekolah juga dibentangkan dalam JADUAL 1. Keputusan menunjukkan Sekolah Tahfiz A mempunyai responden paling tinggi iaitu seramai 156 orang responden (59.8%), diikuti oleh Sekolah Tahfiz B iaitu seramai 39 orang responden (14.9%). Sekolah Tahfiz D mempunyai responden yang paling sedikit sekali iaitu 8 orang (3.1%) sahaja.

JADUAL 1 juga menunjukkan hasil analisis bagi taburan responden mengikut status hafazan Al-Quran bagi semua responden. Keputusan menunjukkan status hafazan belum khatam adalah seramai 254 orang responden (97.3%), manakala status hafazan sudah khatam seramai 7 orang responden sahaja (2.7%). Ini menunjukkan sebahagian besar responden kajian adalah mereka yang belum mengkhataamkan hafazan.

Hasil analisis bagi taburan responden mengikut tempoh menduduki asrama sepanjang menghafaz Al-Quran. Keputusan menunjukkan seramai 68 orang responden (26.1%) telah menduduki asrama selama 0-1 tahun, 109 orang responden (41.8%) menduduki asrama selama 2-3 tahun, 66 orang responden (25.3%) menduduki asrama selama 4-5 tahun dan 18 orang responden (6.9%) pula menduduki asrama selama 6-7 tahun. Ini menunjukkan tempoh responden menduduki asrama selama 2-3 tahun adalah paling tinggi dan 6-7 tahun adalah tempoh paling rendah bagi responden menduduki asrama.

Taburan responden mengikut kekerapan menghubungi keluarga semasa di asrama juga telah dianalisis. Keputusan menunjukkan seramai 12 orang responden (4.6%) menghubungi keluarga sehari sekali, 73 orang responden (28%) seminggu sekali, 49 orang responden (18.8%) seminggu 2-3 kali, 109 orang responden (41.8%) sebulan sekali dan 18 orang responden (6.9%) tidak pernah sama sekali menghubungi keluarga semasa berada di asrama. Ini menunjukkan kekerapan menghubungi keluarga sebulan sekali adalah paling tinggi dan sehari sekali adalah paling rendah dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor.

Selain itu, hasil analisis menunjukkan sebab responden memilih untuk menghafaz Al-Quran. Keputusan menunjukkan seramai 199 orang responden (76.2%) menghafaz Al-Quran kerana keinginan sendiri, diikuti dengan dipaksa ahli keluarga iaitu seramai 56 orang responden (21.5%) dan akhir sekali seramai 6 orang responden (2.3%) mengambil keputusan menghafaz Al-Quran kerana ajakan kawan. Ini menunjukkan peratusan besar responden memilih untuk menghafaz Al-Quran adalah kerana keinginan mereka sendiri.

JADUAL 1 juga menunjukkan hasil analisis bagi taburan responden mengikut sikap ibubapa terhadap mereka sepanjang dalam proses menghafaz Al-Quran. Seramai 150 orang responden (57.5%) menyatakan sikap ibubapa mereka sentiasa memberikan sokongan, 9 orang responden (3.40%) ibubapanya tidak mengambil tahu, 79 orang responden (30.3%) memberi kepercayaan sepenuhnya kepada responden dan akhir sekali seramai 23 orang responden (8.80%) menyatakan lain-lain pada sikap ibubapa terhadap mereka. Namun tidak dinyatakan lebih lanjut. Ini menunjukkan sikap paling tinggi ibubapa adalah sentiasa memberikan sokongan sepanjang tempoh menghafaz Al-Quran manakala sikap ibubapa yang tidak mengambil tahu adalah paling rendah.

Hasil kajian juga menunjukkan taburan responden mengikut kesukaan mereka terhadap keluarga. Keputusan menunjukkan kesukaan mereka terhadap perkara tentang keluarga adalah paling tinggi dimana seramai 112 orang responden (42.9%), diikuti ibubapa iaitu seramai 99 orang responden (37.9%), seterusnya adik beradik iaitu seramai 35 orang responden (13.4%) dan akhir

sekali seramai 15 orang responden (5.7%) menyatakan bahawa tiada kesukaan mereka terhadap keluarga. Ini menunjukkan suasana keluarga adalah jumlah responden paling tinggi manakala tiada kesukaan terhadap keluarga adalah paling rendah.

Akhir sekali, JADUAL 1 menunjukkan hasil analisis bagi taburan responden mengikut sokongan sosial yang diperoleh responden sepanjang tempoh menghafaz Al-Quran. Keputusan menunjukkan 90 orang responden (34.5%) menyatakan sokongan sosial diperoleh daripada ibubapa, 77 orang responden (29.5%) dari ahli keluarga, 34 orang responden (13.0%) dari rakan-rakan, 31 orang responden (11.9%) dari guru-guru, 11 orang responden (4.2%) dari saudara mara atau orang luar dan 18 orang responden (6.9%) dari lain-lain. Ini menunjukkan turutan tertinggi sehingga terendah sokongan sosial yang diperoleh oleh responden adalah dari ibubapa, ahli keluarga, rakan-rakan, guru-guru, lain-lain dan akhir sekali saudara mara atau orang luar.

JADUAL 1. Maklumat Latar belakang Responden

Perkara	Kekerapan(N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	137	52.5
Perempuan	124	47.5
Umur		
13	44	16.9
14	58	22.2
15	65	24.9
16	65	24.9
17	29	11.1
Sekolah		
Sekolah tahfiz A	156	59.8
Sekolah tahfiz B	39	14.9
Sekolah tahfiz C	36	13.8
Sekolah tahfiz D	8	3.1
Sekolah tahfiz E	22	8.4
Status Hafazan		
Khatam	7	2.7
Belum Khatam	254	97.3
Tempoh Menduduki Asrama (Tahun)		
0-1	68	26.1
2-3	109	41.8
4-5	66	25.3
6-7	18	6.9
Kekerapan Menghubungi Keluarga		
Sehari Sekali	12	4.6
Seminggu Sekali	73	28.0
Seminggu 2-3 Kali	49	18.8
Sebulan Sekali	109	41.8
Tidak Pernah Sama Sekali	18	6.9
Sebab Masuk Sekolah Tahfiz		
Dipaksa Ahli Keluarga	56	21.5
Keinginan Sendiri	199	76.2
Ajakan Kawan	6	2.3
Persepsi Pelajar Tentang Sikap Ibubapa Terhadap Anak		
Sentiasa Memberi Sokongan	150	57.5

Tidak Mengambil Tahu	9	3.40
Memberi Kepercayaan Kepada Pelajar Sepenuhnya	79	30.3
Lain-Lain	23	8.80
Sokongan Sosial		
Ibubapa	90	34.5
Ahli Keluarga	77	29.5
Rakan-Rakan	34	13.0
Guru-Guru	31	11.9
Saudara Mara atau orang Luar	11	4.20
Lain-Lain	18	6.90

JADUAL 2 membentangkan analisis setiap item bagi alat ujian kepuasan hubungan kekeluargaan. Keputusan menunjukkan nilai purata min skor setiap item yang dianalisis adalah antara 3.44 sehingga 4.20. Semua item ini telah dinilai dengan menggunakan 5 skala Likert. Keputusan menunjukkan skor min bagi kepuasan hubungan kekeluargaan terhadap item ‘Ahli keluarga mengambil berat antara satu sama lain’ memperoleh nilai min tertinggi (M=4.20, SD=0.973), diikuti item ‘Kemampuan keluarga anda untuk berkongsi pengalaman positif’ (M=4.08, SD=0.978) dan seterusnya item ‘Tahap keakraban di antara ahli keluarga’ (M=4.07, SD=0.909). Skor min yang menunjukkan nilai paling rendah adalah pada item ‘Cara masalah dibincangkan’ (M=3.44, SD=1.071). Elemen ambil berat, perkongsian pengalaman positif dan keakraban antara keluarga merupakan elemen penting dalam hubungan kekeluargaan.

JADUAL 2. Analisis setiap item bagi alat ujian kepuasan hubungan kekeluargaan

Perkara	Min (M)	Peratusan (S.P.)
1. Tahap keakraban di antara ahli keluarga	4.07	0.909
2. Kemampuan keluarga anda untuk mengendalikan tekanan	3.48	1.036
3. Tahap keakraban di antara ahli keluarga	4.07	0.909
4. Kemampuan keluarga anda untuk mengendalikan tekanan	3.48	1.036
5. Kemampuan keluarga anda untuk menjadi fleksibel	3.54	1.079
6. Kemampuan keluarga anda untuk berkongsi pengalaman positif	4.08	0.978
7. Kualiti komunikasi diantara ahli keluarga	3.93	1.034
8. Kemampuan keluarga anda untuk menyelesaikan konflik	3.58	1.029
9. Jumlah masa yang anda habiskan bersama sebagai keluarga	3.77	1.011
10. Cara masalah dibincangkan	3.44	1.071
11. Keadilan dalam memberikan kritikan dalam keluarga anda	3.46	1.068
12. Ahli keluarga mengambil berat antara satu sama lain	4.20	0.973

JADUAL 3 menunjukkan analisis setiap item bagi alat ujian kesejahteraan psikologi. Keputusan menunjukkan nilai purata min skor setiap item yang dianalisis adalah antara 2.33 sehingga 4.84. Semua item ini telah dinilai dengan menggunakan 6 skala Likert. Keputusan menunjukkan skor min bagi kesejahteraan psikologi terhadap item ‘Saya fikir adalah penting untuk mempunyai pengalaman- pengalaman baru yang mencabar bagaimana anda berfikir tentang diri anda dan dunia ini’ memperoleh nilai min tertinggi (M=4.84, SD=1.225), diikuti oleh item ‘Bagi saya kehidupan adalah satu proses berterusan dalam pembelajaran, perubahan dan pertumbuhan’ (M=4.72, SD=1.180) dan seterusnya item ‘Saya mempunyai arah dan tujuan dalam hidup’ (M=4.69, SD=1.625). Item yang mempunyai nilai min skor terendah ialah item ‘Saya mudah rasa risau tentang apa yang orang lain fikirkan mengenai diri saya’ (M= 2.33, SD=1.346). Elemen kesejahteraan psikologi yang penting dalam kajian ini adalah kefahaman tentang matlamat dan maksud dalam kehidupan.

JADUAL 3. Analisis setiap item bagi kesejahteraan psikologi berdasarkan item

Perkara	Min (M)	Peratusan (S.P.)
1. Saya tidak takut untuk menyuarakan pandangan saya walaupun ia berlawanan dengan pandangan kebanyakan orang.	3.76	1.338
2. Secara umumnya, saya rasa saya mampu mengawal keadaan di sekeliling saya.	3.74	1.315
3. Saya tidak berminat dalam aktiviti-aktiviti yang akan meluaskan perspektif/pandangan saya.	3.99	1.462
4. Kebanyakan orang melihat saya sebagai seorang yang penyayang dan baik hati.	3.83	1.445
5. Pandangan hidup saya ialah lebih kepada mencari penyelesaian untuk jangka pendek dan bukan jangka panjang.	3.17	1.408
6. Apabila melihat sejarah kehidupan saya, saya gembira dengan perkara yang telah berlaku.	3.65	1.640
7. Keputusan saya selalunya tidak dipengaruhi oleh perlakuan orang lain.	3.65	1.249
8. Biasanya tuntutan kehidupan harian membuatkan saya rasa lemah.	3.34	1.354
9. Saya fikir adalah penting untuk mempunyai pengalaman- pengalaman baru yang mencabar bagaimana anda berfikir tentang diri anda dan dunia ini.	4.84	1.225
10. Mengekalkan hubungan yang rapat adalah sukar dan mengecewakan saya.	3.62	1.570
11. Saya mempunyai arah dan tujuan dalam hidup.	4.69	1.265
12. Secara umumnya, saya yakin dan positif tentang diri saya.	4.12	1.398
13. Saya mudah rasa risau tentang apa yang orang lain fikirkan mengenai diri saya.	2.33	1.346
14. Saya tidak berapa baik dengan orang lain dalam komuniti di sekeliling saya.	3.57	1.321
15. Apabila saya fikirkan, sebenarnya saya belum meningkatkan diri sebagai 'seseorang' dalam beberapa tahun ini.	3.15	1.358
16. Saya selalu rasa kesunyian kerana saya hanya ada sedikit kawan rapat yang boleh berkongsi kebimbangan saya.	3.45	1.748
17. Aktiviti harian saya selalunya kelihatan remeh dan tidak penting kepada saya.	4.06	1.387
18. Saya rasa ramai orang di sekeliling saya mendapat lebih dalam kehidupan mereka berbanding saya	3.21	1.450
19. Saya mudah dipengaruhi oleh orang lain yang memiliki pandangan yang kuat.	3.14	1.323
20. Saya agak baik dalam menguruskan banyak tanggungjawab harian saya.	3.86	1.188
21. Saya dapat rasakan bahawa saya telah meningkat menjadi 'seseorang' dalam beberapa tahun ini.	3.67	1.312
22. Saya seronok berbual secara peribadi dengan ahli keluarga dan rakan-rakan.	4.47	1.349
23. Saya tidak mempunyai perasaan yang baik tentang apa yang saya ingin capai dalam hidup.	3.72	1.370
24. Saya suka kebanyakan aspek personaliti yang ada pada diri saya.	4.08	1.279
25. Saya yakin dengan pandangan saya walaupun ianya berbeza dengan pandangan orang ramai.	4.09	1.255
26. Saya selalu rasa terhimpit oleh tanggungjawab saya.	3.26	1.336
27. Saya tidak seronok berada dalam suasana baru yang memerlukan saya mengubah cara lama yang biasa saya gunakan dalam melakukan sesuatu perkara.	3.14	1.456
28. Orang lain menggambarkan saya sebagai seorang yang baik hati, bersedia untuk berkongsi masa saya dengan orang lain.	3.80	1.247
29. Saya seronok membuat perancangan untuk masa hadapan dan bekerja untuk menjadikannya realiti.	4.54	1.305
30. Dalam banyak hal, saya rasa kecewa dengan pencapaian saya dalam hidup.	3.23	1.426
31. Susah bagi saya untuk menyuarakan pandangan terhadap perkara-perkara yang kontroversi.	3.20	1.209
32. Saya hadapi kesukaran untuk menguruskan kehidupan saya dengan cara yang memuaskan saya.	3.31	1.241
33. Bagi saya kehidupan adalah satu proses berterusan dalam pembelajaran, perubahan dan pertumbuhan.	4.72	1.180
34. Saya tidak banyak mengalami perhubungan yang mesra dengan orang lain	3.69	1.423
35. Seseorang melalui kehidupan tanpa arah tujuan tetapi saya bukan di antara mereka.	4.02	1.399
36. Sikap saya terhadap diri sendiri mungkin tidak berapa positif seperti kebanyakan orang lain rasakan terhadap diri mereka sendiri.	3.19	1.318
37. Saya menilai diri sendiri berdasarkan apa yang saya fikir adalah penting, bukan berdasarkan nilai yang orang lain fikir adalah penting.	3.98	1.293
38. Saya dapat membina sebuah rumah tangga dan gaya kehidupan yang saya sukai.	4.21	1.269

39. Saya telah berputus asa untuk melakukan penambahbaikan atau perubahan besar dalam kehidupan sejak lama dahulu.	4.23	1.439
40. Saya tahu saya boleh dipercayai rakan-rakan saya dan mereka juga tahu bahawa mereka boleh dipercayai saya.	3.95	1.359
41. Kadang-kala saya rasakan seperti telah melakukan segalanya yang perlu dalam kehidupan.	3.63	1.374
42. Apabila saya bandingkan diri saya dengan rakan-rakan dan kenalan, saya rasa puas hati dengan keadaan diri saya.	3.58	1.593

HASIL ANALISIS INFERENSI

Analisis inferensi iaitu ujian t dijalankan untuk menentukan perbezaan jantina daripada aspek kepuasan hubungan kekeluargaan dan juga kesejahteraan psikologikal responden. Ujian korelasi pula dijalankan untuk menentukan hubungan di antara kepuasan hubungan kekeluargaan dengan kesejahteraan psikologi. Akhirnya, ujian regresi dijalankan untuk menentukan sejauh mana kepuasan hubungan kekeluargaan mempunyai kesan ke atas kesejahteraan psikologi.

Hasil analisis Ujian-t tidak bersandar untuk menentukan perbezaan kepuasan hubungan kekeluargaan mengikut jantina dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Kehomogenan varians Ujian Levene menunjukkan $k=.04 < .05$, dengan demikian varians adalah tidak homogen. Keputusan analisis ujian-t diambil dari *equal variance not assumed* dan keputusan kajian menunjukkan perbezaan skor bagi kepuasan hubungan kekeluargaan mengikut jantina iaitu lelaki ($n=137$, $M=39.48$, $SD=6.261$) manakala perempuan ($n=124$, $M=35.41$, $SD=7.430$) dengan perbezaan yang signifikan $t(241.65)=4.760$, $k < .05$. Ini menunjukkan bahawa nilai skor min responden lelaki lebih tinggi daripada responden perempuan. Maka, hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kepuasan hubungan kekeluargaan mengikut jantina.

Ujian-t tidak bersandar juga dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan kesejahteraan psikologi mengikut jantina dalam kalangan pelajar tahfiz dalam kajian ini. Kehomogenan varians Ujian Levene menunjukkan $k=.982 > .05$, dengan demikian varians tidak homogen. Keputusan analisis Ujian-t diambil dari *equal variance assumed* dan keputusan kajian menunjukkan perbezaan skor bagi kesejahteraan psikologi mengikut jantina iaitu lelaki ($n=137$, $M=162.27$, $SD=21.115$) manakala perempuan ($n=124$, $M=150.94$, $SD=21.636$) dengan perbezaan yang signifikan $t(259)=4.280$, $k < .05$. Ini menunjukkan bahawa nilai skor min responden lelaki lebih tinggi daripada responden perempuan. Maka, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kesejahteraan psikologi mengikut jantina dalam kalangan pelajar tahfiz dalam kajian ini.

Seterusnya, ujian korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi ($r=.472^{**}$, $k < 0.01$). Nilai korelasi dan kekuatan hubungan menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana kuat antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tahfiz di Selangor.

Akhir sekali, analisis regresi dijalankan untuk menentukan pengaruh kepuasan hubungan kekeluargaan ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Hasil ujian regresi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi ($R^2=.223$, $\beta=0.472$) di mana sebanyak 22.3% kepuasan hubungan kekeluargaan mempengaruhi kesejahteraan psikologi pelajar tahfiz dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa kepuasan hubungan kekeluargaan merupakan salah satu faktor penting dalam meramal kesejahteraan psikologi responden dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kepuasan hubungan kekeluargaan. Perbezaan yang signifikan ini mungkin disebabkan oleh cara didikan dan layanan yang diperoleh oleh pelajar lelaki dan perempuan dalam konteks hubungan kekeluargaan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Neneh dan Welsh (2023) yang mendapati bahawa sosialisasi dalam keluarga mempengaruhi persepsi terhadap kepuasan hubungan dalam keluarga bagi perempuan. Selain itu, kajian oleh Lee et. al (2025) juga mendapati bahawa terdapat perbezaan jantina yang mana perempuan mempunyai persepsi yang berbeza dibandingkan dengan lelaki dalam dinamika keluarga dan implikasi positif terhadap kesejahteraan psikologi. Selain itu kajian oleh Thomas et al. (2017) juga mendapati bahawa perempuan lebih banyak saling bertukar sokongan dengan adik beradik sekiranya mereka mempunyai hubungan yang baik dengan ibubapa. Kajian juga mendapati bahawa lelaki pula lebih banyak memerlukan sokongan emosi dengan adik beradik apabila mereka mempunyai hubungan yang kurang baik dengan ibubapa. Hubungan kekeluargaan antara adik beradik ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesejahteraan psikologi dapat dicapai sebaiknya. Namun begitu, sebelum kesejahteraan psikologi itu dapat dicapai, tahap kepuasan terhadap hubungan kekeluargaan harus dirasakan terlebih dahulu agar kesejahteraan psikologi itu dapat dinikmati sepanjang hidup. Oleh itu, dapatan kajian ini menyatakan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara jantina kerana melihat kepada kajian lepas yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan bagi lelaki dan perempuan untuk mencapai tahap kepuasan hubungan kekeluargaan selari dengan kajian yang dijalankan oleh Brisson et. Al (2025). Kajian Abdul Adib Asnawi (2016) pula menyatakan perempuan lebih berorientasikan keluarga lebih mudah mencapai kepuasan hubungan kekeluargaan berbanding lelaki kerana perempuan cenderung untuk mempunyai elemen kebersamaan dalam kehidupan.

Seterusnya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kesejahteraan psikologi. Keputusan kajian ini selari dengan dapatan kajian (Matud et al., 2019) bahawa terdapat perbezaan signifikan bagi kesejahteraan psikologi dalam kalangan jantina. Ini berkemungkinan disebabkan oleh tahap perkembangan, hubungan positif dengan orang lain, penerimaan diri dan autonomi yang diterima adalah berbeza bagi responden kajian tersebut. Jantina lelaki lebih cenderung mempunyai skor lebih tinggi pada penerimaan diri dan autonomi, manakala, perempuan lebih cenderung mempunyai skor lebih tinggi pada perkembangan diri dan hubungan positif dengan orang lain. Selain itu, hasil kajian oleh Fuligni (2025) dan Legas dan Gu (2025) juga mendapati bahawa terdapat perbezaan jantina daripada kesejahteraan psikologi remaja dalam aspek hubungan kekeluargaan.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian lain yang menyatakan bahawa jantina tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi seseorang seperti kajian yang dijalankan oleh (Kamaruddin & Sa'ad, 2015). Kajian ini dijalankan ke atas 164 orang pelajar yang berumur antara 15 hingga 17 tahun di Kelantan dan keputusan kajian menyatakan bahawa tahap kesejahteraan psikologi antara jantina berada pada keadaan yang sama tanpa sebarang perbezaan. Kajian oleh (Abd Rahman et al., 2019) mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan bagi kualiti hidup antara jantina lelaki dan perempuan bagi pelajar tahfiz swasta di Selangor. Kajian ini dapat menjelaskan bahawa kesejahteraan psikologi yang diperoleh sudah pasti datangnya daripada kualiti hidup yang dirasakan oleh setiap individu. Kajian (Osman & Yahya, 2018) turut menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan antara jantina bagi kesejahteraan psikologi pelajar sekolah sukan di Melaka.

Kepuasan hubungan kekeluargaan mempunyai korelasi hubungan yang positif dengan kesejahteraan psikologi tetapi ia ditafsir sebagai hubungan positif yang sederhana kuat. Hasil Analisis Ujian Regresi Mudah mendapati hanya 22.3% kepuasan hubungan kekeluargaan menyumbang ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. Menurut kajian yang dijalankan oleh (Kamaruddin & Sa'ad, 2015) pula mendapati hanya 38.2% kepuasan hubungan kekeluargaan mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi pelajar remaja sebagai responden kajiannya. Perpaduan yang wujud antara ahli keluarga adalah faktor utama dalam kepuasan hubungan kekeluargaan yang menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan psikologi seseorang.

Kajian oleh Vegas (2025) juga dapat menyokong dapatan kajian ini yang menyatakan bahawa komunikasi antara ahli keluarga boleh mempengaruhi tahap kepuasan hubungan kekeluargaan. Komunikasi yang baik antara ahli keluarga dapat membina hubungan keakraban sesama mereka. Bagaimana cara masalah dibincangkan dan keadilan dalam memberikan kritikan terhadap ahli keluarga adalah aspek penting yang ditanya dalam alat ujian kepuasan hubungan kekeluargaan. Malah keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa kepuasan hubungan kekeluargaan bagi item ahli keluarga mengambil berat antara satu sama lain merupakan min yang paling tinggi antara kesemua item. Ini menunjukkan bahawa saling mengambil berat antara satu sama lain adalah perkara yang paling banyak menyumbang kepada kepuasan hubungan kekeluargaan. Mempunyai masalah dalam hubungan kekeluargaan bukan sahaja boleh merenggangkan hubungan, malah ia juga boleh mengganggu kefungsiian hidup dan kesejahteraan psikologi terhadap individu yang mengalaminya. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kepuasan hubungan kekeluargaan adalah faktor terbesar yang boleh mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi setiap individu terutamanya bagi pelajar tahfiz yang sedang menghafaz Al-Quran.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan jantina dalam aspek kepuasan hubungan dalam keluarga dan aspek kesejahteraan psikologi. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kepuasan hubungan dalam keluarga merupakan faktor yang penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan psikologi remaja pelajar tahfiz dalam kajian ini. Justeru, kajian pada masa akan datang, wajar diteroka dengan lebih mendalam bagi membantu mengembangkan kefahaman tentang kepuasan hubungan dalam keluarga dan kesejahteraan dalam bidang psikologi. Seterusnya memberikan ilmu yang bermanfaat bagi ahli profesion menolong bagi membantu klien pelajar tahfiz daripada kumpulan remaja dan institusi kekeluargaan secara keseluruhannya.

PENGHARGAAN

Terima kasih sedalamnya buat semua guru besar, guru sekolah dan pelajar yang terpilih yang telah secara sukarela melengkapkan soal selidik serta memberikan kerjasama yang baik sewaktu proses kutipan data. Selain itu terima kasih di atas semua individu dan pihak yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dan menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abd Rahman, S., Ishak, I., Abd Warif, N.M., Ibrahim, F.W., Che Din, N., Harun, D., Ghazali, A.R. & Mohamed, S. (2019). Hubungan antara Hafazan al-Quran dan Kualiti Hidup Pelajar Tahfiz di Selangor, Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 17(SI): 1–11.
- Abdul Adib Asnawi, A.S. (2016). Hubungan Antara Jangkaan Ibu Bapa. *Seminar Psikologi Kebangsaan-III* (May).
- Abdullah, N. M. S. A. N., Sabbri, F. S. M., & Isa, R. A. A. M. (2021). Tahfiz students' experiences in memorizing the Qur'an: Unveiling their motivating factors and challenges. *IIUM Journal of Educational Studies*, 9(2), 42-63.
- Adzim, A. F., Ahmad Badayai, A. R., & Abu Zahrin, S. N. (2024). Phenomenological study on the psychological well-being of tahfiz students. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 16(2).
- Alnajashi, S. A., Al Qasem, M. A. A., Al-Mishaal, K. A. A., & Aluthman, W. A. E. (2025). The Impact of Attending Qur'an Memorization Programs on Psychological Wellbeing: A Study on Adult Females. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 8(2).
- Anas, N., Ramlan, A. N. M., Ghazi, M., & Mutalib, F. A. (2022). Tahfiz-based Model on Akhlaq of Adolescents (TMAA): Views from Selected Tahfiz Associations in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3), 798-806.
- Asmawati, D., Fatimah, Y., Zainah, A.Z., Nor Bai'yah, A.K. & Mohd Norahim, M.S. 2015. Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Iubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 29(2): 32–42.
- Bangsawan, A., Rashed, Z. N., & Salleh, M. H. (2022). Faktor-Faktor Kecemerlangan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Sabah: Factors of Excellence in Memorizing The Holy Al-Qur'an among Tahfiz Students in Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 31-43.
- Brisson, R., Adayeva, A., & Abdrakhmanova, S. (2025). Gender differences in adolescents' life satisfaction: A replication study in Kazakhstan. *Journal of Adolescence*, 97(1), 301-309.
- Fakhrudin, F.M., Mohd Ayub, A.F., Che Hassan, N., Wan Jaafar, W.M., & Abdul Mutalib, L. (2023). Komitmen belajar dalam kalangan murid tahfiz: Satu kajian kualitatif. *Akademika Journal Of Southeast Asia Social Science and Humanities*. 93(3), 3-11.
- Fuligni, A. J., Trimble, A., & Smola, X. A. (2025). The significance of feeling needed and useful to family and friends for psychological well-being during adolescence. *Journal of Adolescence*, 97(1), 292-300.
- Haroon, A.K. (2022). Daya Tahan Diri Pelajar Tahfiz: Di JHEAIPP. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1): 1–12.
- Kamaruddin, K., & Sa'ad, F. (2015). The influence of family satisfaction and school satisfaction toward psychological well-being of adolescent students. *International Journal of Humanities Social Sciences and Education*, 2(8), 12-17.
- JPA. (2022). Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia. https://docs.jpa.gov.my/docs/epenyertaan/keputusan2022/KAJIAN_INDEKS_PSIKOLOG_I2022.pdf
- Lee, E., Urbaeva, J., Song, N. K., & Warner, L. A. (2025). Family dynamics and mental health: gender differences among married Asian Americans. *Journal of Ethnic & Cultural Diversity in Social Work*, 1-12.

- Legas, A. M., & Gu, C. (2025). Parenting behavior and adolescent psychological well-being: The moderating role of birth order. *Current Psychology*, 1-10.
- Matud, M.P., López-Curbelo, M. & Fortes, D. (2019). Gender and psychological well-being. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(19), 1–11.
- Neneh, B. N., & Welsh, D. H. (2023). What Influences Family Satisfaction?. *Canadian Journal of Administrative Sciences/Revue Canadienne des Sciences de l'Administration*, 40(2), 123-145. Lancaster University Library.
- Osman, A. & Yahya, S.A. (2018). The Relationship Between Psychological Well-Being With Religious Appreciation Among Sports School Students. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 154–165.
- Riyadi, A. (2022). The relationship between Qur'an memorization and psychological well-being of students at the Qasimul Ulum of Maahad Tahfiz Al-Qur'an (Master's thesis, International Islamic University Malaysia). *IIUM Student Repository*. <https://studentrepo.iium.edu.my/entities/publication/2d9de739-1ffe-4c88-ad39-3109ec567ad8>
- Rulsi, N.N., Hamzah, N. & Mohd, F.H. (2020). Impak Emosi Positif Berdasarkan Korelatif Objektif dalam Hikayat Merong Mahawangsa. *5th International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology 2020 (November)*.
- Safiinatunnajah, Z., & Khilmiyah, A. (2025). The Influence of Emotional and Spiritual Intelligence on The Ability to Memorise Al-Qur'an Of Junior High School Students. *At-Tarbiyat: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2).
- Thomas, P.A., Liu, H. & Umberson, D. (2017). Family Relationships and Well-Being. *Innovation in Aging*, 1(3), 1–11.
- Vegas, M. I. (2025). Family functioning and aggression among Spanish adolescents. Examining the roles of family cohesion, family flexibility, family communication and family satisfaction. *Journal of Family Therapy*, 47(1), e12478.
- Yahya, S. M. A. S., Bakar, A. Y. A., & Johari, K. S. K. (2022). Exploring Psychological Well-Being Among Tahfiz Al-Quran Students: Emprical Study Using Psychoeducation Counseling and Therapy. *Jurnal Studi Agama*, 6(2), 95-103.

Nabihah Pakharuddin
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: a189320@siswa.ukm.edu.my

Suzana Mohd Hoesni (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: smh@ukm.edu.my